

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, 15 February, 2017 8:44 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Huzaidy bin Hussain
Subject: HEP ONLINE: KARNIVAL 3K MAC INI



15 FEBRUARI 2017, RABU | 18 JAMADILAWAL 1438H



HEP ONLINE: Selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan mahasiswa secara holistik yang berdaya saing, berintegriti dan berwawasan, Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan Karnival Kebudayaan Kesenian dan Keusahawanan (3K) yang berlangsung pada 1 hingga 6 Mac ini.

Karnival tujuh hari itu akan dirasmikan oleh Dato' Aminuddin Omar Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Belia Dan Sukan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pembangunan Insan Negeri Kedah. Manakala Majlis Penutup oleh Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Utara Malaysia.

Pengarah PBS, Huzaidy Hussain berkata, program itu merupakan serampang dua mata dalam memartabatkan kebudayaan negara dengan menerapkan elemen keusahawanan dalam diri mahasiswa UUM.

“Program anjuran Pusat Budaya dan Seni bukan sahaja tertumpu kepada kebudayaan dan kesenian semata-mata, tetapi turut diselitkan dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang memberi faedah kepada mahasiswa UUM dan masyarakat sekitar.

“Secara tidak langsung ia menunjukkan kepada masyarakat bahawa UUM merupakan sebuah universiti yang dinamik dalam menjalankan aktiviti bukan sahaja dalam bidang pengurusan tetapi juga berkaitan dengan bidang lain termasuk kebudayaan,” jelasnya.

Huzaidy berkata, Ahli Jawatankuasa Pelaksana yang terdiri daripada 300 mahasiswa UUM yang menguruskan karnival itu akan dapat menimba ilmu dan pengalaman bagi mengendalikan sesuatu acara besar-besaran seterusnya membuktikan bahawa UUM sebagai universiti pengurusan terkemuka.

Menurutnya, aktiviti seumpama ini akan dapat menyuntik semangat pelajar untuk sentiasa berusaha menjadi yang terbaik, berdiskari dan peka dengan keadaan sekeliling yang sentiasa berubah-ubah.

Jelasnya, program ini melibatkan kerjasama yang baik di antara kelab-kelab yang terlibat dengan aktiviti yang diadakan sempena karnival ini selain memupuk semangat saling membantu yang akan melahirkan masyarakat dan warga UUM yang bersatu.

“Ia juga menjadi nilai tambah kepada mahasiswa apabila mereka mempunyai pengetahuan yang luas dalam segala bidang tidak kira dalam bidang kebudayaan dan kesenian sekaligus mempunyai kelebihan berbanding mahasiswa daripada Universiti Awam (UA) yang lain,” tambahnya.

Karnival ini melibatkan penyertaan bukan sahaja daripada mahasiswa UUM malah masyarakat sekitar Zon Utara yang akan diadakan di beberapa lokasi termasuk Dataran Budaya, UUM, Dewan Budi Siswa dan Pusat Kegiatan Pelajar, UUM.

Antara acara menarik menanti pengunjung termasuk Ekspo Niaga dan Pameran, Kempen Derma Darah, Bengkel Vokal Bersama Komposer Azmeer, Pementasan Teater, Sintok King Chef, Pertandingan Malam Bintang Utara, Syarahan Perdana Bersama Ustaz Dr. Mohamad Khadafi, UUM Talent Time.

Selain itu, karnival turut diserikan dengan kaunter dari agensi Suruhanjaya Pilihan Raya, Tabung Haji, Jabatan Pendaftaran Negara dan pelbagai lagi. Maklumat lanjut berkaitan karnival ini sila hubungi sekretariat di talian 04-928 4206.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.